



**KEMENTERIAN KESEJAHTERAAN BANDAR,
PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN**

Unit Komunikasi Korporat
Aras 2, No. 51, Persiaran Perdana
Presint 4
62100 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel: 03 – 8000 8000
Faks: 03 – 8891 5557
Laman Web: www.kpkt.gov.my
Emel: pro@kpkt.gov.my
Twitter: www.twitter.com/kpkt_gov
Facebook: www.facebook.com/KPKTMalaysia

Rujukan kami: KPKT/BPK/19/7/4 Klt.45 (169)

Tarikh : 6 Oktober 2016

SIARAN MEDIA

KPKT BAKAL SEDIAKAN PELAN INDUK KESEJAHTERAAN RAKYAT BANDAR

Putarajaya 6 Oktober 2016 - YB Menteri Kesejahteraan Bandar Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) menyempurnakan Sesi Townhall dan Bengkel Pelan Induk Kesejahteraan Rakyat Bandar Aspirasi TSNO pada pagi ini.

Sesi Town Hall pagi ini antara lain akan membincangkan isu KPKT yang berkaitan penduduk bandar seperti penyediaan rumah mampu milik, isu- isu kesejahteraan penduduk di program perumahan rakyat (PPR) dan pengurusan sisa pepejal.

Menterinya, YB Tan Sri Noh bin Hj Omar menjelaskan, “Pelbagai isu rakyat di bandar perlukan diselesaikan secara holistik dengan mengkaji semula dasar dan penambah sistem yang sedia ada.”

Pelan Induk Kesejahteraan Rakyat Bandar (PIKRB) ini adalah cetusan idea daripada YB Menteri KPKT bagi merealisasikan hasrat Kerajaan untuk mensejahterakan rakyat bandar selaras dengan pewujudan portfolio kesejahteraan bandar di bawah KPKT.

Bagi mencapai aspirasi ini, Bengkel Pelan Induk Kesejahteraan Rakyat Bandar yang diadakan pada sebelah petangnya akan mengupas isu rakyat bandar menerusi perbincangan 10 teras utama iaitu:

- a) Kemasyarakatan;
- b) Ekonomi;
- c) Pembinaan Insan;
- d) Pendidikan;
- e) Perumahan;
- f) Pengangkutan;
- g) Kesihatan;
- h) Keselamatan;

- i) Kemudahan Asas; dan
- j) Alam Sekitar.

Pelan Induk Kesejahteraan Rakyat Bandar (PIKRB) ini akan menjadi *blueprint* Kesejahteraan Rakyat Bandar yang akan dijadikan sebagai panduan dalam perancangan dan pelaksanaan oleh semua Agensi Kerajaan dan pihak yang terlibat dengan pembangunan dan perkhidmatan bandar di peringkat nasional dan tempatan.

Ianya merupakan satu perancangan strategik yang holistik dan komprehensif untuk kesejahteraan rakyat bandar selaras dengan tonggak transformasi negara ke arah pencapaian matlamat menjadikan negara maju dan berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020.

Sesi ini dijangka akan melibatkan seramai 2,000 orang peserta yang terdiri daripada Pemimpin-pemimpin masyarakat, anggota Jawatankuasa Perwakilan Penduduk (JPP), Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Badan Pengurusan Bersama (JMB), Majlis Perwakilan Pelajar IPTA dan Rukun Tetangga. Ianya dilaksanakan bagi mencapai objektif-objektif berikut:

- i. Mendapatkan pandangan, cadangan serta input yang berguna daripada peserta bengkel; dan
- ii. Medium untuk mencetuskan idea-idea bernas yang boleh memantapkan penyediaan Pelan Induk Kesejahteraan Rakyat Bandar.

Dalam penyediaan PIKRB, KPKT telah melaksanakan Bengkel Perancangan Strategik Pelan Induk Kesejahteraan Rakyat Bandar pada 5 hingga 7 September 2016 (Isnin-Rabu) bertempat di Institut Latihan Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (I-KPKT). Lanjutan daripada Bengkel tersebut, KPKT akan menganjurkan Sesi *Townhall* Pelan Induk Kesejahteraan Rakyat Bandar: Aspirasi TSNO pada 6 Oktober 2016 (Khamis) bertempat di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC).

Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) diterajui oleh YB Tan Sri Noh Bin Haji Omar. Di bawah Kementerian ini terdapat 9 Jabatan iaitu Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semananjung Malaysia; Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia; Jabatan Perumahan Negara; Jabatan Kerajaan Tempatan; Jabatan Landskap Negara; Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara; Solid Waste Corporation Malaysia; Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata; dan Institut Latihan Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat

b.p. Ketua Setiausaha

Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Telefon : 03-8891 5555

Faks : 03-8891 5557

E-mel : pro@kpkt.gov.my